



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

PENGARAH ELAK CUKAI DIARAH BELA DIRI

Kajang, 31 Julai – Seorang pengarah syarikat diarahkan membela diri oleh Mahkamah Majistret Kajang atas dakwaan mengelak cukai pendapatan.

Pada perbicaraan di Mahkamah Majistret Kajang hari ini, Majistret Abd. Jalil Salam bin Muhamad berpuashati bahawa pihak pendakwa berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh, Lee Yoke Wan, 63 tahun dari Syarikat Konajaya Sdn. Bhd.

Tertuduh didakwa atas tiga kesalahan secara sengaja dan dengan niat mengelak cukai pendapatan bagi tahun taksiran 2000, 2001 dan 2002. Bagi kesalahan pertama tertuduh didakwa kurang lapor amaun pendapatan tahun taksiran 2000 sebanyak RM 1,235,563.00 melibatkan ketirisan cukai berjumlah RM 345,957.64. Manakala bagi kesalahan kedua dan ketiga, tertuduh didakwa kurang lapor amaun pendapatan bagi tahun taksiran 2001 dan 2002 masing-masing sebanyak RM 8,729,306.00 dan 2,838,496.00 melibatkan ketirisan cukai masing-masing berjumlah RM 2,444,205.68 dan RM 794,778.88.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat | Jabatan Khidmat Korporat | Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21326 / 21354 | 📠 : 03-8313 7836

Pusat Panggilan : 1-800-88-5436 (LHDN)

Laman Web : www.hasil.gov.my

Tarikh : 31 Julai 2013

Mukasurat 1

Pendakwaan dilakukan dibawah Seksyen 114(1)(a) Akta Cukai Pendapatan 1967 yang memperuntukkan hukuman denda tidak kurang RM 1,000 dan tidak lebih RM 20,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali dan penalti khas sebanyak tiga kali ganda jumlah cukai terlibat jika disabitkan kesalahan.

Lapan orang saksi telah dipanggil memberikan keterangan sepanjang tempoh perbicaraan berlangsung.

Pendakwaan telah dilakukan oleh Pegawai Pendakwa LHDNM, Al-Hummidallah bin Idrus dan Mohd Shafuddin bin Hasan, manakala tertuduh diwakili oleh Peguambela Noramin Petra bin Nor Hanapiah.

Majistret Abd. Jalil Salam bin Muhamad menetapkan tarikh tertuduh membela diri pada 17 sehingga 20 September 2013.

###

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat | Jabatan Khidmat Korporat | Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21326 / 21354 | 📠 : 03-8313 7836

Pusat Panggilan : 1-800-88-5436 (LHDN)

Laman Web : www.hasil.gov.my

Tarikh : 31 Julai 2013

Mukasurat 2